

(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir ▾

17 MAR KREDIBILITI DAN KEMAHIRAN TINGKATKAN PELAJAR TVET



PUTRAJAYA, 16 Mac 2015 – Kredibiliti para pensyarah Universiti Sains Malaysia (USM) dan penekanan aspek kemahiran oleh para pensyarah Politeknik Port Dickson (PPD) akan meningkatkan akses pendidikan dan latihan teknik dan vokasional (TVET) di peringkat lebih tinggi dan menyumbang kepada aspirasi transformasi politeknik dalam menghasilkan modal insan secara lestari.

Demikian ujar Naib Canselor USM, Profesor Dato' Dr Omar Osman ketika berucap di majlis penandatangan Memorandum Perjanjian (MoA) di antara USM dan PPD bagi menawarkan program Sarjana Muda Sains Perumahan, Bangunan dan Perancangan [PBP] (Kepujian) secara pesisiran di PPD.

"Pada masa kini, setiap pelajar perlu mempunyai kemahiran yang tinggi dalam pelbagai bidang namun kemahiran sahaja tidak dapat menghasilkan pelajar yang kompetitif di dalam pasaran pekerjaan.

"Melalui persefahaman ini, para pelajar PPD akan mengikut struktur pengajian program PBP sama seperti pelajar di USM manakala tempat pengajian adalah di PPD seperti mana USM menjalankan program pesisiran dalam bidang perubatan di KLE Belgaum India," tambah Omar.



Menurut Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik, Datuk Mohlis Jaafar jalinan kerjasama dengan universiti APEX pertama negara ini dapat meningkatkan kecemerlangan para pelajar politeknik amnya dan PPD khususnya.

"Politeknik juga telah menjalankan kerjasama dengan beberapa institusi pengajian tinggi lain mengikut bidang tujuan masing-masing serta kerjasama dengan universiti antarabangsa," tambah Mohlis.

"Melalui kerjasama dengan USM saya berharap dapat meningkatkan bidang tujuan PPD iaitu bidang Senibina serta meningkatkan secara berterusan penghasilan modal insan yang mahir dalam sektor industri negara," ujar Mohlis.

Turut hadir ialah Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Dato' Profesor Asma Ismail yang mewakili Ketua Setiausaha II KPM, Dato' Seri Ir. Zaini Ujang dan Dekan Pusat Pengajian PBP USM, Profesor Madya Dr Aldrin Abdullah.

Berucap di majlis yang sama, Asma berkata pada masa kini negara memerlukan seramai 1.3 juta modal insan yang berkemahiran selain yang berpendidikan tinggi dalam bidang masing-masing.



"Pelaksanaan program sebegini dapat meningkatkan lagi TVET ke tahap yang lebih tinggi disamping dapat mengembangkan pengambilan pelajar dalam pelbagai bidang," tambah Asma.

Asma juga mengucapkan tahniah kepada kedua-dua pihak yang telah mengorak langkah dalam penawaran kursus-kursus pengajian dalam bidang kritikal negara.

Seramai 30 orang pelajar akan diambil untuk mengikuti program ini pada sidang akademik 2015/2016 September ini. Teks: Nor Rafizah Md Zain / Foto: Marziana Mohamed Alias



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : pro@usm.my (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia](http://www.usm.my) (<http://www.usm.my>)

[Client Feedback / Comments](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) (<http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp>) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015